

Isu Dr. Mahathir kritik kerajaan

Nazri minta Mukhriz nasihatkan bapa

Um-13/8/2006

KUALA KANGSAR 12 Ogos - Datuk Mukhriz Mahathir, anggota Exco Pemuda UMNO dan anak Tun Dr. Mahathir Mohamad, diminta supaya menasihati bekas Perdana Menteri itu supaya berhenti daripada terus mengkritik kerajaan secara terbuka.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz (**gambar**) berkata beliau menyokong tindakan Mukhriz Isnin lepas, yang mempersoalkan tindakan sesetengah pihak membangkitkan isu yang menyentuh bapanya pada persidangan perwakilan bahagian yang sedang berlangsung sekarang.

"Jadi saya rasa nasihat itu patut diberikan kepada bapa dia. Bagi tahu pada bapa dia sebab kita hanya menari, dia pukul gendang. Kalau dia (Tun) tak pukul gendang, kita tak menari. Jadi kalau mahu kita berhenti tentang perkara ini, bagi tahu kepada bapa dia, berhentilah (mengkritik). Dia berhenti, kita pun berhentilah.

"(Tapi) Kalau dia terus juga bagi hancur parti kita, dia mahu lihat Umno hancur, lihat presiden turun, saya akan tampil ke hadapan sebagai pendekar UMNO untuk membela parti kita. Marah la, saya tak kira," katanya berucap merasmikan persidangan perwakilan Pemuda, Wanita dan Puteri UMNO Bahagian Padang Rengas di Sekolah Menengah Kebangsaan Temenggong, Kati di sini hari ini.

Nazri yang juga anggota Majlis Tertinggi (MT) UMNO mempertikaikan kenyataan Dr Mahathir bahawa beliau tidak berniat untuk memecah-belahkan UMNO.

"Macam mana UMNO tidak berpecah. Hari ini pun orang tanya siapa yang betul (Tun atau Pak Lah). Itu pun sudah (dikira) berpecah-belah. Macam mana dia kata tak pecah (belah)," katanya.

Beliau juga menyifatkan kritikan Dr Mahathir merupakan cabaran yang paling besar dihadapi UMNO dan kerajaan ketika ini.

"Pas tidak bersuara, Keadilan tidak bersuara, DAP tidak bersuara tetapi pembangkang yang paling kuat yang ada pada hari ini yang mahu melihat Perdana Menteri kita jatuh dan turun ialah bekas presiden kita. Jadi macam mana?" katanya.

Pada sidang akhbar selepas itu, Nazri berkata walaupun Dr. Mahathir mendakwa dirinya berseorangan dalam menyuarakan kritikan, hakikatnya bekas Perdana Menteri Malaysia untuk hampir 23 tahun itu mempunyai pengikut yang ramai.

Beliau berkata tindakan Dr. Mahathir yang

bebas mengkritik kerajaan dan UMNO tanpa dikenakan sebarang tindakan disiplin menggambarkan seolah-olah UMNO mengamalkan dua sistem keanggotaan yang berbeza iaitu keanggotaan biasa dan juga keanggotaan istimewa.

"Saya rasa sukar untuk mengenakan disiplin pada masa depan kerana kes Tun akan dijadikan rujukan," katanya.

Nazri meminta anggota UMNO berpegang kepada cogan kata parti iaitu 'Bersatu, Bersetia, Berkhidmat' dalam memastikan perpaduan parti terus terpelihara.

"Bersatu maksudnya satu kapal, satu nakhoda. Kita tak perlu merasa bimbang kalau sekiranya ada tekanan sekarang sebab pemimpin kita hanya satu iaitu Pak Lah selaku presiden UMNO.

"Setia maknanya itu setia kepada parti dan setia kepada kepimpinan iaitu setia kepada presiden kita, Pak Lah," katanya.

Beliau berkata apabila kedua-duanya itu dapat dipenuhi, barulah khidmat yang cemerlang dapat diberikan kepada para pengundi yang telah memberi kepercayaan kepada UMNO.



- Bernama